

LAWATAN KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT KANGAR PERLIS



17 & 18 Jun 2023 – 70 orang pelajar Kokurikulum Siswa Bomba Bantuan telah mengajurkan Program Lawatan ke Balai Bomba dan Penyelamat Kangar Perlis bersama Encik Md Azlan Jamaludin, Jurulatih Kokurikulum dan Encik Ahmad Ashroff Zakaria Penyelaras Kokurikulum. Program ini bertujuan untuk merasai sendiri pengalaman mengendalikan peralatan dan belajar teknik mengawal kebakaran dan keselamatan setelah mempelajari secara teori di dalam kelas.

Pelbagai aktiviti yang dijalankan berkenaan Kompenan Kebombaan, Kejuruteraan Kebakaran (Fire Engineering) dan Sistem Pengurusan Bencana (Incident Management System). ia merangkumi Akta 341, 1988, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 Bahagian 7 & 8, Akses Perkakas Bomba dan lain-lain.

Pelajar dapat mempamekan interaksi sosial dan memupuk hubungan dengan orang lain melalui aktiviti Siswa Bomba Bantuan. Pelajar juga dapat menunjukkan kemahiran mengurus dalam membuat keputusan untuk organisasi melalui penganjuran aktiviti tersebut.

Kursus Kokurikulum ini juga menerangkan kepada pelajar tentang lanjutan perundangan kebombaan serta fungsi organisasi Sistem Pengurusan Bencana. Pelajar juga diterapkan ilmu berkaitan piawai prosedur operasi kearah Siswa Bomba Bantuan.

Disediakan Oleh :
Ahmad Ashroff Zakaria
Pembantu Tadbir (Kokurikulum)

